

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT
BENDERA]**

TARIKH : 21 MEI 2015

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengetatkan peraturan-peraturan berkenaan premis makanan agar tindakan lebih keras dapat diambil terhadap pesalah berulang

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpendapat bahawa undang-undang sedia ada sudah memadai untuk mengawal tahap kebersihan premis makanan di negara ini. Dalam hal ini, pemilik premis makanan yang tidak bersih terdedah kepada hukuman-hukuman berikut:

- 1) Penutupan premis tidak melebihi tempoh 14 hari di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 di mana mereka yang engkar kepada arahan ini boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima (5) tahun atau denda atau kedua-duanya; dan

2) Kompaun di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Di bawah peraturan ini, terdapat 33 kesalahan yang boleh dikompaun yang meliputi aspek kebersihan am dan kebersihan khusus premis makanan, kebersihan pengendali makanan dan pengendalian makanan.

Berdasarkan peruntukan undang-undang tersebut, Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemeriksaan secara rutin ke atas premis makanan di seluruh negara di samping menjalankan Operasi Premis Makanan Bersih berjadual dengan kekerapan dua (2) kali sebulan. Pada tahun 2014, sebanyak 120,169 premis makanan telah diperiksa dan 3,115 (2.6%) daripadanya telah ditutup manakala daripada bulan Januari hingga Mac tahun ini sebanyak 647 (2.7%) premis makanan telah ditutup daripada 23,922 premis makanan yang telah diperiksa.

Di samping itu, sebanyak 2,974 kompaun telah dikeluarkan pada tahun 2014 terhadap premis makanan yang tidak mematuhi keperluan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 manakala daripada bulan Januari hingga Mac tahun ini sebanyak 1,889 kompaun telah dikeluarkan.

Dengan peningkatan aktiviti penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa, adalah diharapkan tahap kebersihan premis makanan di seluruh negara akan turut meningkat.